



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
(SUPERSCALE C / KUMPULAN 2)
BAHAGIAN PERUNDANGAN, ANTARABANGSA DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
BAHAGIAN PERUNDANGAN, ANTARABANGSA DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran / Undang-Undang (LLB) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. a) **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE C**

- i) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- ii) Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institut-institut tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.

- b) **BAGI TANGGA GAJI KUMPULAN 2**

- i) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

a) PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (SUPERSCALE C)

1. Bertanggungjawab dalam penelitian dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi sebarang pindaan, pengemaskinian, pelaksanaan atau untuk memperkenalkan akta baru yang bersesuaian;
2. Bertanggungjawab dalam menguruskan pelaksanaan kuasa-kuasa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
3. Memberikan nasihat undang-undang kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;
4. Bertanggungjawab dalam penggubalan / pemindaan / pengkajian semula undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
5. Bertanggungjawab dalam mengendalikan hal ehwal antarabangsa antaranya berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
6. Mereviu sebarang instrumen antarabangsa yang diperkenalkan sebelum ditetapkan dan komitmen dilaksanakan bagi memastikan kepentingan negara;
7. Bertanggungjawab dalam melaksanakan kajian ke atas dasar-dasar sedia ada atau untuk memperkenalkan dasar baru yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk mengenal pasti inisiatif-inisiatif berbentuk strategik selaras dengan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pihak pengurusan atasan dari semasa ke semasa.



b) PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (KUMPULAN 2)

Membantu Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (*Superscale C*) dalam;

1. Penelitian dasar-dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi sebarang pindaan, pengemaskinian, pelaksanaan atau untuk memperkenalkan akta baru yang bersesuaian;
2. Dalam menguruskan pelaksanaan kuasa-kuasa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
3. Memberi nasihat undang-undang kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya;
4. Penggubalan / pemindaan / pengkajian semula undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
5. Mengendalikan hal ehwal antarabangsa antaranya berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
6. Merebiu sebarang instrumen antarabangsa yang diperkenalkan sebelum ditetapkan dan komitmen dilaksanakan bagi memastikan kepentingan negara;
7. Melaksanakan kajian ke atas dasar-dasar sedia ada atau untuk memperkenalkan dasar baru yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk mengenalpasti inisiatif-inisiatif berbentuk strategik selaras dengan Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang di arahkan oleh pihak pengurusan atasan dari semasa ke semasa.